

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SIW CHUN A/P EAM
TARIKH : 14 DISEMBER 2006 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Siw Chun a/p Eam minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan isi kandungan memorandum yang telah dikemukakan oleh gabungan beberapa pertubuhan wanita di negara ini yang bernama Kumpulan Tindakan Bersama Membantah Keganasan Terhadap Wanita yang telah ditubuhkan pada 8 Mac 1985 kepada pihak Kerajaan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan berdasarkan memorandum yang telah dikemukakan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Antara isu yang diketengahkan oleh Kumpulan Tindakan Bersama Menentang Keganasan Terhadap Wanita dalam memorandum mereka kepada kerajaan pada tahun 1985 ialah supaya dipinda undang-undang yang berkaitan dengan kes-kes rogol dan digubal Akta Keganasan Rumah Tangga. Kerajaan sentiasa komited dan prihatin dalam usaha menangani isu keganasan terhadap wanita. Usaha ini dilakukan atas kesedaran kerajaan terhadap kemajuan dan kesejahteraan wanita di negara ini dan ia dilakukan secara berterusan. Pada tahun 1989, pindaan telah dibuat kepada peruntukan yang berkaitan dengan rogol dalam Kanun Keseksaan dengan mengadakan hukuman minimum penjara lima (5 tahun) dan sebatan bagi perogol serta dimasukkan peruntukan mengenai “statutory rape”. Baru-baru ini Kerajaan membuat beberapa pindaan lagi ke atas Kanun Keseksaan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan sumbang mahram, rogol sumbang mahram (incestuous rape) dan rogol yang menyebabkan kematian. Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, kerajaan telah meluluskan Akta Keganasan Rumah Tangga pada tahun 1994. Akta ini bertujuan memberi perlindungan undang-undang kepada mangsa keganasan rumah tangga melalui pengeluaran perintah perlindungan sementara (interim protection order) dan perintah perlindungan (perintah perlindungan). Di bawah akta ini juga beberapa pusat perlindungan wanita telah ditubuhkan di seluruh negara untuk menempatkan mangsa keganasan rumah tangga. Kini, beberapa peruntukan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga dikaji semula bagi memastikan pelaksanaannya lebih berkesan. Kajian semula ini memberi fokus, antara lain kepada takrif keganasan rumah tangga (yang akan meliputi kecederaan psikologi dan emosi), memudahkan prosedur permohonan perintah perlindungan sementara dan perintah perlindungan serta bagi membolehkan mangsa keganasan rumah tangga menuntut pampasan apabila berlakunya kecederaan psikologi dan emosi. Selain daripada aspek perundangan, pelbagai usaha lain dilaksanakan bagi menangani keganasan terhadap wanita termasuklah mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti Kempen Wanita Menentang Keganasan (WAVE) ataupun Organisasi Membanteras Keganasan Terhadap Wanita (OMBAK) fasa satu dan fasa dua,

NO SOALAN: 39

Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Kempen Henti Rogol (bertemakan Hormat dan Kawal Diri), Literasi Undang-undang dan Ketahui Hak Anda. Tenaga sukarela juga digembleng melalui penubuhan Sukarelawan OMBAK bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa keganasan dan bertindak sebagai 'mata dan telinga' kepada Jabatan Pembangunan Wanita dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita. Mereka akan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kes-kes keganasan serta menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai keganasan ke peringkat akar umbi. Sukarelawan ini dilatih untuk memberikan informasi dan maklumat-maklumat yang sesuai kepada masyarakat dalam usaha mengurangkan keganasan dan menggalakkan mangsa untuk tampil membuat aduan. Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : Cik Norazizi Binti Mansor 2) Jawatan : Penolong Pengarah I 3) Bahagian : Bimbingan dan Kaunseling, JPW 4) No. Tel : 03-2616 5732 Jawapan Diluluskan Oleh :- 1) Nama : Datin Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JPW Jawapan Disemak Semula Oleh Kementerian :- 1) Nama : Cik Zuraidah Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian (DWK) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian :- 1) Nama : Cik Norhayati Sulaiman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)